

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

SOALAN NO. 393:

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat kepada pekerja-pekerja berstatus OKU dan apakah jenis bantuan yang diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan Elaun Pekerja Cacat (EPC) kepada Orang Kurang Upaya yang bekerja, memenuhi kriteria dan mempunyai pendapatan di bawah RM1,200 sebulan.

Kerajaan telah menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) mulai 1 Januari 2018 iaitu daripada RM350 kepada RM400. Elaun ini adalah sebagai insentif yang diberikan bagi menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Jumlah OKU yang menerima Elaun Pekerja Cacat di seluruh negara adalah seramai 80,727 penerima dengan peruntukan yang telah disalurkan sehingga 30 April 2019 adalah sebanyak RM170,442,752. Selain daripada bantuan kewangan bulanan, OKU berdaftar juga boleh dipertimbangkan bantuan alat sokongan/tiruan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

JKM akan sentiasa mengkaji dan mengambil berat pandangan kumpulan sasar tentang kadar bantuan kebijakan yang disalurkan kepada mereka. Pandangan yang dikemukakan akan dititik beratkan dan diteliti agar dapat menyediakan kadar bantuan yang lebih bersesuaian selaras dengan kos sara hidup yang dialami sekarang.